

PIDATO PENGHARGAAN GRADUAN KEHORMAT

bagi

Y. B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud

oleh

YBhg. Profesor Dato' Dr. Hashim Bin Yaacob

Jumaat, 8 Ogos 1997

Ampun Tuanku

Dari hulu orang bergalah
singgah sebentar di Tanah Merah
tiba di hilir membuka sawah
berdiri patik merapat sembah
memohon Tuanku perkenan limpah
kurnia patek menyampai madah

Ampun Tuanku

SULAIMAN BIN DAUD

Empat puluh tahun yang silam (1958)
seorang putera handalan
kelahiran Bumi Kenyalang
mendepa sayap terbang ke arah Kutub Selatan
menggenggam Biasiswa Colombo Plan.

Maka bermulalah
usaha putera mengisi dada
dengan ilmu Kedokteran Pergigian
di Universiti Otago, New Zealand.

Dalam kerja praktikal juga kuliah
Putera ini sering mendahului rakan sedarjah
menyiapkan skedul dengan mudah.
John Newton, guru mereka

Perpustakaan Universiti Malaya



A511892205

sangat hairan tetapi bangga
dengan kepantasan Putera menangani kerja.
John Newton bertanya punca
Putera diam sahaja, dihadihnya senyum selamba.
Tapi pada patek, Putera membuka rahsia :

Sebelum ke Otago Universiti
saya berlatih di Hospital Kucing Bahagian Gigi
dalam bidang Dental Technology.

Demikianlah kelebihan Putera Muda ini
sikap dan visinya amatlah ke depan
terkedepan dari yang kini.
Sampaipun kehari ini
tak pernah ia jadi backbencher.

Ampun Tuanku

Putera yang dimaksudkan ini ialah Sulaiman
yang membesar di bawah bumbung
ayahanda Haji Daud
dan Bonda Hajjah Salmah
dengan segala kasih sayang
bersama saudara kandungnya yang empat orang.

Lima tahun di New Zealand berlalu
Sulaiman pulang, membawa ijazah (1962)
Bachelor of Dental Surgery.
Jadilah ia seorang Doktor Pergigian.
Bertapak di Miri
berkhidmat jua di Limbang, Bario, Niah, Lawas dan Bintulu.
Dilihatnya, antara tidak dengan percaya
ada 5 orang doktor gigi cuma
bagi merawat rakyat Sarawak yang sejuta !
kelengkapan tiada seberapa
pun yang ada, kurang maya.
penyakit pergigian leluasa menyerang semua.
Pesakit pula dengan doktor takut nak jumpa.
Lintang pukang lari bila doktor tiba.
namun Sulaiman terus gigih berusaha
mendidik dan merawat siapa sahaja, di mana jua.

Kerana kerja

Sulaiman sering menaiki pesawat kecil Cessna merawat pesakit di pedalaman di atas pontoon, di mana sahaja. Rawatan hendaklah diuruskan walau pulang tiga hari kemudian.

Sir James Fraser, pakar bedah Hospital Miri pernah merujuk pesakitnya yang resah pada Sulaiman meminta nasihat waktu ini tentang penyakitnya dipangkal lidah.

Ampun Tuanku

Itulah Sulaiman Daud Doktor Pergigian kerjanya tidak mengenal lelah tidak pandai berhelah. Meskipun pada usia muda padanya orang hormat dan percaya. Itulah Sulaiman Daud yang kuat usaha sanggup mengerjakan bermacam kerja. Hingga ke hari ini sikapnya kekal abadi jadi bekal. kalau tak percaya, lihat saja dua dekad riwayat kerjayanya :

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (5 Sept. 1994-4 Mac 1976)
Timbalan Menteri Kesihatan (1 Jan. 1978-15 Mac 1981)
Menteri Wilayah Persekutuan (16 Mac 1981-16 Julai 1981)
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan (Julai 1984-1986)
Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah (Ogos 1986-Jun 1989)
Menteri Kehakiman (Jun 1989-Oktober 1990)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Jun 1989-Oktober 1990)
Menteri Perdagangan Domestik dan Hal Ehwal Pengguna
(Oktober 1990-Mac 1991)
Menteri Pendidikan 8 tahun berpanjangan (Julai 1981-Julai 1984,
Mac 1991-May 1995)
dan kini
Menteri Pertanian memastikan kita cukup makan.
(Mei 1995- sekarang).

Penyakit yang berleluasa
pengobatnya tandus
bagaimana cara
masalah boleh terhapus ?
Sulaiman mengubah strategi
mencegah, mengesan, merawat penyakit sebelum terjadi
mengasuh manusia menjaga kesihatan
melalui Pendekatan Kesihatan Awam
penjimat kesakitan dan perbelanjaan.
Taktik ini dilaksana
Dari Sarawak hingga ke Brunei
setelah merangkum sebuah digri kepakaran
dalam Kesihatan Pergigian Awam
dari Universiti Toronto Canada tiga tahun kemudian (1965).

Berkat kerja Sulaiman yang tekun
sebagai doktor pergigian tulin
bekerja bukan dengan tangan semata
tapi dengan minda
dan hati budi bersama.
Kesihatan Pergigian jadi anggun
tiada sedar berlalu sembilan tahun.

Tiba tiba, Sulaiman terjaga diambang politik.
Impian remajanya menyambar tiba
namun, hatinya berdentam mengeletik.
kata orang dan kata famili, politik tidak stabil
bila bila boleh binasa.
Tapi, fikirnya
tidak ada yang stabil di dunia fana
saham boleh turun harga
nyawa sekalipun boleh meninggalkan kita.

Dalam suasana begini bingung mencari
jawapan pasti ketemui
kalau hanya bertanya pada isteri.
Itulah yang dilakukan Sulaiman.
Beliau meminta nasihat Naemah Hasbi
Isteri bistari yang amat dikasihi
wanita Sarawak pertama lulus HSC
juga memasuki Universiti

yang yakin pada prinsip sendiri :

Sebaik baik isteri
adalah yang sering mendampingi
anak dan suami.

Jawab Naemah pada suami :

“If it is going to make you happy,
I am sure I am going to be happy”.

Inilah kata sakti yang dinanti.
Sulaiman segera membongkar sauh
berkembang layar politik di angin kencang
beberapa kali menoleh ia kebelakang
pada pergigian yang kian ditinggal jauh.

Ampun tuanku

Benarlah
di sebalik kejayaan lelaki
ada wanita yang bijak bistari.

Sewaktu bertapak di persada negara
Sulaiman masih sayangkan bidang asalnya.
Kesihatan Pergigian jauh di matanya cuma
di hati, dekat seperti dulu kala.
Beliau taburi, bakti
pada segenap badan pergigian :

Kementerian Kesihatan Kerajaan kita
Perkhidmatan Pergigian Angkatan Tentera
Persatuan Doktor Pergigian Malaysia
Fakulti Pergigian Universiti Malaya

Takkala menerajui Kementerian Pendidikan (1981 - 1984, 1991 - 1995)
Sulaiman mempersiapkan diri membawa kemajuan
yang tiada, diadakan
yang kurang diperbanyakkan

yang goyah dikejapkan
yang uzur dipulihkan
yang lama diperbaharukan.
Nisbah satu doktor pergigian
kepada 14 ribu pesakit yang datang
dikurangkan Sulaiman
melalui pertambahan tempat latihan.

Fakulti Pergigian Universiti Malaya
diberinya persalinan
cahayanya gemerlapan jauh kelihatan.
Maka mantap kurikulum
bangunan dan ruang megah menyergam
bermulalah Ijazah Kepakaran
penyelidikan terus berkembang
daya kepakaran tumbuh bak cendawan
Sains Pergigian lalu terserlah nyata.
Maka jadilah Universiti Malaya
pusat cemerlang pengajian pergigian
di mana berkumpul bijak pandai
dari seluruh pelusuk seberang daratan.

Sulaiman sebagai manusia
peka pada alam semesta
pemimpin kebangsaan, serantau, antarabangsa
berbagai badan berkuasa :

Ehwal pendidikan, agama
pekerja asing, urusan niaga
tidak tersebut semuanya.

bermacam pertubuhan amal kebajikan sukarela :
Kebajikan kanak-kanak, koperasi, gerakan belia,
sukan, pertanian, Ketua Pengakap Negara.
tidak tersebut semuanya.

Kerana jasa yang terbilang
menghamba diri pada masyarakat
bintang pun bersinar memagari Sulaiman :

Johan dan Panglima Negara Bintang Sarawak (JBS-1977, PNBS 1981)
Seri Indera Mahkota Pahang (SIMP-1985)
Datuk Amar Bintang Kenyalang (D.A-1991)

Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA-1992)
Darjah Pertama Al-Malik Hussein Raja Jordan
Anugrah Tertinggi Gerakan Pramuka
"Lencana Melati" Republic Indonesia (1993)
Distinguished Service Award Scout Association juga
dari Wee Kim Wee Presiden Singapura (1993)

Maka diketahui oranglah
tentang kepetahan Sulaiman
menyebarkan dan menegakkan ilmu,
juga berbuat bakti tanpa jemu.
Lalu berlumba institusi tinggi luar negeri
untuk merenjis sanjungan.
The International College of Dentists
berpusat di Amerika
membuka langkah
menganugerah Sulaiman status Fellow.

Tahun 1993 Sulaiman dinobati Otago Universiti
dari New Zealand, dengan sebuah digri :
Doctor of Laws peringkat Honorari.

Ketika dalam dada, rasa syukur masih ketara
ucapan tahniah pun masih mencurah tiba,
Sulaiman menerima berita
terharu ia tetapi gembira:

Flinders Universiti dari Australia
mengurnia anugerah tertinggi
pada dirinya:
Doktor of The University Honoris Causa.

Sulaiman dan Naemah isterinya
dua insan ceria dan bahagia
cepat mesra
kita merasa selesa mendampingi mereka.
Dalam rumahtangga aman sentosa
mereka dikurnia 2 puteri 2 putera.
Dididik kesemuanya
di universiti tempatan ciptaan bangsanya
menjadi doktor, peguam, akauntan, jurutera.
yakin mereka pada sistem negara sendiri
tak ketagih lagi pada ijazah luar negeri.

Sulaiman memegang prinsip bahawa hidup cuma sementara
katanya, dunia ini pinjaman sahaja.
Maka selagi hayat dikandung badan
berbuatlah baik sesama insan.
Niat hendaklah tulus
perangai hendaklah lurus.

Ampun Tuanku.

Dalam pendidikan
dan Kesihatan Pergigian
Sulaiman Daud ibarat sebutir bintang mengerdip
menyuluh malam gulita
lalu terang bermandikan cahaya.
Sulaiman umpama Setanggi
membawa bauan semerbak wangi
mengharum negara tak terperi
Di bawah payungan Tuanku yang dikasihi

Di atas jasa bakti tercurah itu
patek mohon limpah perkenan Duli Tuanku
mengurnia anugerah tanda penghargaan
pada Sulaiman Bin Daud anak watan
Ijazah Kehormat Doktor Sains Pergigian.

Ampun Tuanku.

HY/sar.